

Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

EzTelekung: Inovasi Bagi Pemakaian Solat Kanak Kanak

Norazlinda binti Gaman^a, Nafsiah binti Sairi^b, Azlina binti Ahmad^c

^{a,b,c}Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual

Politeknik Ibrahim Sultan, Johor.

^aazlindagaman@gmail.com ^bnafsiahqusyairi@gmail.com ^cazlinaa33@gmail.com

Abstrak

Telekung merujuk kepada kain selubung untuk menutup aurat wanita muslim ketika menunaikan ibadah solat. Masyarakat Melayu sendiri menggunakan perkataan telekung sebagai pakaian khusus ketika menunaikan Rukun Islam kedua ini. Telekung biasanya mempunyai dua bahagian iaitu bahagian atas menutupi dari kepala hingga ke paras lutut kecuali muka dan bahagian pinggang hingga menutupi seluruh kaki (Zainun et al., 2020). EzTelekung adalah telekung yang dihasilkan untuk kanak-kanak dengan menggabungkan pola pada bahagian atas telekung dengan gaun tetapi masih menampilkan ciri-ciri seperti telekung sebenar. Kajian ini bagi mengenalpasti cara pemakaian EzTelekung sebagai pakaian solat mudah pakai serta selesa dikalangan kanak-kanak. Pemilihan fabrik kapas dan rekabentuk daripada pola telekung ini dilihat sebagai medium inovasi keberkesanan EzTelekung. Inovasi ini berdasarkan permasalahan penggunaan getah pada bahagian kain yang biasanya mudah longgar serta menjadi punca kanak-kanak kerap membetulkan bahagian tersebut. Terdapat juga ibubapa yang hanya memilih telekung untuk menarik minat anak-anak tanpa memikirkan faktor keselesaan. Objektif kajian ini bagi mengenalpasti keberkesanan cara-cara pemakaian EzTelekung dikalangan kanak-kanak perempuan yang berumur 4 tahun hingga 6 tahun serta mengkaji tahap keselesaan dari segi penggunaan fabrik kapas. Metodologi kajian ini dilaksanakan berbentuk kualitatif yang melibatkan seramai 10 orang responden dikalangan ibubapa muslim yang mempunyai anak perempuan di antara 4 tahun hingga 6 tahun. Data dianalisis berdasarkan soalan kaji selidik yang dibagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A yang merujuk kepada latar belakang umum responden, Bahagian B merujuk kepada keberkesanan tahap keselesaan EzTelekung berbanding telekung biasa. Manakala Bahagian C melalui pemerhatian video yang dikongsi oleh responden untuk menilai keberkesanan inovasi pola yang digunakan. Dapatan kajian EzTelekung secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pakaian solat ini telah membantu dalam memberikan keperluan yang lebih selesa serta menarik minat ketika mendidik anak-anak mengerjakan solat. Penghasilan inovasi ini juga perlulah berterusan dengan melihat kepada trend terkini agar sentiasa memenuhi keperluan pasaran.

@2020 Published by JOJAPS Limited

Kata kunci: EzTelekung, mudah pakai, kanak-kanak

1.1 Pengenalan

Telekung merupakan pakaian yang menjadi identiti bagi wanita Islam Nusantara ketika bersolat dan mengerjakan haji serta umrah di Mekah. Telekung mempunyai dua bahagian, iaitu bahagian atas yang menutupi keseluruhan bahagian kepala sehingga ke paras lutut kecuali muka, manakala dibahagian bawah pula direka dalam bentuk kain labuh dan longgar, menutupi bahagian pinggang sehingga kaki (Iskandar, 2020). Selari dengan peredaran masa dan perkembangan zaman alaf baru, terdapat pelbagai jenis warna, potongan, fabrik, motif, corak dan hiasan pada telekung bercambah di pasaran tempatan. EzTelekung merupakan telekung kanak-kanak yang telah melalui proses penambahbaikan pada pola telekung bagi memudahkan urusan kanak-kanak ketika proses memakai dan menanggalkan telekung sebelum dan setelah selesai solat. Gabungan telekung dan kain yang dijadikan seperti gaun berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak. Pemilihan dan penggunaan fabrik yang berkualiti, jahitan yang kemas, potongan yang sesuai dengan bentuk muka dan menawarkan keselesaan maksimum apabila dipakai merupakan ciri utama dalam EzTelekung.


Pendidikan solat perlu diberi perhatian oleh ibu bapa bagi memastikan anak-anak melaksanakan ibadah ini secara konsisten. Ibadah solat merupakan perkara utama untuk membentuk jiwa anak-anak dengan akidah dan tauhid. Kewajiban mendidik kanak-kanak untuk mendirikan solat bermula umur 7 tahun, setelah mereka mencapai umur 10 tahun haruslah memukul mereka jika meninggalkan rukun islam kedua ini (Hasan, 2018). Pelbagai kaedah kreatif perlu dilakukan ibu bapa untuk menarik minat dan kecenderungan kanak-kanak dalam sesuatu perkara yang ingin diberi perhatian supaya pembelajaran tersebut menjadi menarik dan seronok (Mastura, 2016)

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti cara pemakaian EzTelekung yang bermaksud sejenis telekung yang mudah dipakai dan dapat membantu memberi keselesaan kepada kanak-kanak perempuan ketika menunaikan solat. Rekaan telekung ini adalah daripada cantuman bahagian atas telekung dengan gaun untuk menjadi sepasang pakaian solat mudah pakai oleh kanak-kanak dengan mengekalkan ciri-ciri rupabentuk telekung sebenar. Pada bahagian leher gaun dibesarkan dan dicantumkan dengan bahagian atas telekung. Penggunaan fabrik kapas menjadi pilihan dalam rekaan ini dengan menggunakan warna putih pada keseluruhan pakaian kecuali pada bahagian *awning*, pengikat kepala, bawah telekung dan bawah kain dengan fabrik kapas yang mempunyai corak untuk menarik perhatian kanak-kanak.



Rajah 1: Gambar pandangan sisi, pandangan belakang, pandangan dalam telekung dari sesi kanan dan hadapan badan.



Rajah 2: Inovasi Pola EzTelekung gabungan bahagian atas telekung dengan gaun

1.3 Penyataan Masalah

Ibubapa sering memilih pakaian yang menonjolkan keceriaan tanpa memikirkan keselesaan untuk anak-anak terutama dari segi jenis fabrik dan mudah urus. Begitu juga dari segi memilih padanan telekung untuk anak-anak dalam usaha mendidik mengerjakan solat dan beribadah semasa kecil (Siti Nadirah, 2019). Terdapat dua bahagian telekung yang biasanya direka, iaitu bahagian atas dari kepala kecuali muka hingga ke paras lutut (telekung) dan bahagian bawah (kain) dari paras pinggang hingga labuh menutupi kaki (Iskandar, 2020). Kebiasaannya warna putih menjadi pilihan sebagai lambang kebersihan fizikal ketika melakukan solat.

Penggunaan getah terdapat pada bahagian kain telekung yang biasanya mudah longgar juga dilihat sebagai faktor ketidakselesaan. Perkara ini menyebabkan mereka mengalami masalah kain melorot ke bawah, getah rosak serta kerap bergerak ketika solat untuk membetulkan kain. Rekaan telekung bagi kanak-kanak sama seperti wanita dewasa. Justeru itu, satu kajian dijalankan terhadap ibubapa bagi mengenalpasti tahap kepuasan pemakaian produk EzTelekung. Rekaan ini juga, menepati syarat-syarat menutup aurat yang telah ditentukan dalam Agama Islam seperti menutup seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan, tidak jarang, longgar supaya tidak menampakan tubuh badan serta tidak menyerupai pakaian lelaki atau pakaian khas agama lain (Syarifah Habibah, 2014).

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Menenalpasti cara mudah pemakaian EzTelekung kepada kanak-kanak 4 hingga 6 tahun.
- 1.4.2 Mengkaji tahap keselesaan pemakaian EzTelekung dengan penggunaan fabrik kapas.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah :


- 1.5.1 Adakah mudah cara pemakaian EzTelekung kepada kanak-kanak?
- 1.5.2 Apakah tahap keselesaan ketika memakai EzTelekung?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan agar dapat membuktikan keberkesanan tahap mudah pemakaian dan keselesaan pemakaian EzTelekung dikalangan kanak-kanak, serta melihat inovasi pola yang dibangunkan menepati rekaan telekung yang ringkas dan praktikal khas untuk kanak-kanak.

2.0 Metodologi

Metodologi yang digunakan ialah kaedah kualitatif yang memerlukan pemerhatian secara teliti. Data yang diterima adalah hasil dari soalan kaji selidik yang telah dijawab oleh 10 orang responden dikalangan ibubapa yang mempunyai anak perempuan berusia 4-6 tahun. Soalan kaji selidik telah diberi kepada responden selepas mereka memakainya EzTelekung.



Rajah 3 : Carta alir membincangkan dan menerangkan proses metodologi kajian.

Soalan kaji selidik dibahagi kepada 3 bahagian. Bahagian A merujuk kepada latar belakang umum responden. Merangkumi soalan berkaitan umur dan jantina responden. Maklumbalas yang diterima di bahagian ini membolehkan penyelidik mengenal pasti latar belakang responden untuk memastikan bahawa data yang dikumpul lebih tepat dan relevan dengan kajian. Bahagian B merujuk kepada cara pemakaian EzTelekung terhadap kanak-kanak dengan membandingkan dengan pemakaian telekung biasa. Bahagian C merujuk kepada masa yang diambil ketika pemakaian EzTelekung berdasarkan video yang telah dikongsikan oleh responden. Semua maklum balas dikumpulkan sebagai data, yang kemudian disusun dan dianalisis. Hasil analisis akan dijadikan asas untuk membuat kesimpulan kajian.

3.0 Analisa dan Dapatan

Bahagian A: Latar belakang kajian

Jantina

Jadual 1 : Jantina responden

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Wanita	8	80
Lelaki	2	20
Jumlah	10	100

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden, 80% adalah wanita manakala bakinya 20% adalah lelaki. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar golongan wanita lebih mengambil berat keperluan anak-anak.


Jadual 2 : Umur anak responden

Umur kanak-kanak	Kekerapan	Peratus (%)
4	4	40
5	2	20
6	4	40

Berdasarkan carta di atas, menunjukkan bahawa 40%, adalah anak responden berumur 4 tahun dan 6 tahun. Manakala 20% merujuk kepada anak responden berumur 5 tahun.

Bahagian B : Keberkesanan EzTelekung dengan melihat kepada perbezaan cara pemakaiannya terhadap kanak-kanak berbanding telekung biasa.

1. Saya merasa mudah memakai dan menanggalkan EzTelekung pada anak saya
2. Saya melihat anak lebih selesa ketika solat
3. Anak saya boleh memakai sendiri EzTelekung



Carta 1 : Perbandingan dari segi mudah, selesa dan boleh pakai sendiri di antara EzTelekung dengan telekung biasa.

Hasil kajian menunjukkan bahawa 80% menyatakan mudah memakai EzTelekung kerana hanya terdapat sepasang baju yang perlu disarung berbanding 60% menyatakan telekung biasa lebih mudah dipakai oleh kanak-kanak. Dari segi keselesaan anak ketika solat dengan memakai EzTelekung pula mendapati 100% anak berumur 4 tahun hingga 6 tahun menunjukkan kurang pergerakan untuk membetulkan telekung. Manakala 80% menyatakan anak mereka boleh memakai sendiri EzTelekung kecuali anak-anak yang berumur 4 tahun yang masih memerlukan sedikit bantuan atau tunjuk ajar.

Bahagian C: Pemerhatian cara pemakaian EzTelekung berdasarkan video yang telah dirakam oleh responden.

Jadual 3 : Masa pemakaian EzTelekung (dibantu oleh ibubapa)

Responden	Durasi Masa (minit)
Responden 1	0:30
Responden 2	0:23
Responden 3	0:20
Responden 4	0:25
Responden 5	0:21
Responden 6	0:23
Responden 7	0:25
Responden 8	0:21
Responden 9	0:22
Responden 10	0:25

Jadual 4 : Masa pemakaian EzTelekung (dipakai sendiri oleh kanak-kanak)

Responden	Durasi Masa (minit)
Responden 1	1:12
Responden 2	1:02
Responden 3	0:46
Responden 4	0:35
Responden 5	0:30
Responden 6	0:38
Responden 7	0:40
Responden 8	0:36
Responden 9	0:40
Responden 10	1:05

Secara puratanya pemakaian EzTelekung yang disarungkan dengan bantuan ibubapa mengambil masa kurang daripada 0:30 saat. Masa yang paling cepat diambil ialah 0:20 saat. Manakala pemakaian sendiri oleh kanak-kanak mempunyai durasi masa yang paling lama ialah 1:12 saat iaitu kanak-kanak yang berumur 4 tahun. Masa yang diambil paling cepat ialah kanak-kanak yang berumur 6 tahun iaitu 0:30 saat.

Kesimpulan dan Cadangan

Kesimpulanya, Pakaian Solat EzTelekung dapat membantu ibubapa dalam memberikan keperluan yang lebih selesa serta menarik minat ketika mendidik anak-anak mengerjakan solat. Penghasilan inovasi ini juga, dapat menjadi trend terkini dan dapat memenuhi keperluan pasaran. Terdapat juga beberapa perkara yang memerlukan penambahbaikan terutama dari segi meletakkan reben di hadapan telekung sebagai panduan untuk anak-anak ini menyarung telekung semasa memakai telekung sendiri tanpa bantuan ibubapa. Selain daripada itu, warna dan corak yang pelbagai juga boleh diketengahkan bagi memberi pelbagai pilihan mengikut trend terkini.

Rujukan

- Hasan, N. H. binti B. D. bin. (2018). Fiqh Ibadah Bagi Kanak-Kanak: Satu Tinjauan Literatur. *4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2018) Kuala Lumpur*, 2554, 282–289.
- Iskandar, K. S. (2020). [*TELEKUNG CONTEMPORARY SKILLS IN THE NEW MILLENNIUM MALAYSIA*] KETERAMPILAN *TELEKUNG KONTEMPORARI ALAF PENGENALAN* Sebagai khalifah Allah di muka bumi , sememangnya menjadi tanggungjawab manusia yang dicipta untuk mematuhi undang-undang Islam yang digaris. 21(2), 153–169.
- Mastura, B. (2016). *Kenali dan rangsang minat anak*.
- Siti Nadirah, H. (2019). *Telekung comel untuk si kecil*. 23(3), 2019. <https://www.hmetro.com.my/hati/2019/03/434912/telekung-comel-untuk-si-kecil>
- Syarifah Habibah. (2014). Sopan Santun Berpakaian Dalam Islam. *Jurnal Pesona Dasar*, 2(3).
- Zainun, N., Saidan, S., Mohamad, Z., & Hasim, N. S. (2020). [Telekung Contemporary Skills in The New Millennium Malaysia] Keterampilan Telekung Kontemporari Alaf Baru Di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 153–169. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.2.491>